

Headline	Ramai wanita muda jadi isteri hinggap		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	08 Nov 2011	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	4	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	109 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,134
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,402



## Ramai wanita muda jadi 'isteri hinggap'

**J**OHOR BAHRU: Demi mengejar kemewahan, lebih ramai wanita muda di bandar raya ini menjadi perempuan simpanan pelancong asing seperti pakej abang Singapura dilalui wanita bernama Rita yang dilaporkan Harian Metro, Sabtu lalu.

Perkara itu didedahkan seorang kerani di bandar raya ini yang dikenali sebagai Mila, 42, menerusi e-mel yang dihantar ke Pejabat Harian Metro di sini, kelmarin.

Menurut Mila, beberapa rakkannya pernah terjebak aktiviti tidak sihat seperti Rita hanya kerana ingin mendapatkan kemewahan dengan cara mudah dan segera.

"Saya yakin lebih ramai wa-



IMBAS...laporan Harian Metro, Sabtu lalu.

nita mengalami nasib sama seperti Rita yang terperangkap dengan pakej kemewahan.

"Akibatnya bukan setakat masa depan hancur kerana maruah dan tubuh tergadai, malah kehidupan bersama keluarga porak-peranda apabila rahsia terbongkar.

"Lebih dikesalkan, kebanyakan daripada mereka

menyedari kesilapan masing-masing selepas mencecah 30 hingga 40 tahun.

"Lebih malang, segelintir daripada mereka sudah terlewat dan tidak dapat diselamatkan apabila dijangkiti pelbagai penyakit serta virus berbahaya seperti HIV positif akibat hubungan terlarang berkenaan," katanya.

Sabtu lalu, Harian Metro melaporkan kehidupan seorang bekas kerani dikenali sebagai Rita, 28, kesempitan hidup selepas digantung tidak bertali oleh suaminya hingga terpengaruh dengan tawaran 'pakej abang Singapura' yang menawarkan kemewahan hidup dengan syarat wanita terbabit perlu melayan nafsu lelaki itu.